

Dr Mahathir nafi arah Tajudin beli saham MAS

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mendakwa beliau tidak pernah mengadakan Tan Sri Tajudin Ramli supaya membeli saham Penerbangan Malaysia (MAS) bernilai RM1.8 bilion seperti diperkatakan kebelakangan ini.

Sambil mempersoalkan kenyataan bekas Pengerusi MAS itu yang mendakwa beliau memaksanya membeli saham berkenaan untuk membantu kedudukan kewangan kerajaan ketika itu, Dr Mahathir berkata:

"Memang benar Bank Negara Malaysia mengalami kerugian, tetapi kita tahu bagaimana mengatasinya dan kita dapat melakukannya.

"Kita tidak perlukan wang dia (Tajudin). Apa yang ada pada RM1.8 bilion kerana wang simpanan negara mencecah hampir RM50 bilion ketika itu.

"Saya juga tidak ingat pernah arah dia beli saham itu," katanya.

Dr Mahathir ditemui pemberita selepas melancarkan buku *The Chinese Malaysian Contribution* karya Tan Teong Jin, Ho Wah Foon dan Tan Joo Lan pada satu majlis di sini, semalam.

Sebelum ini, Tajudin memfailkan tuntutan balas dan pembelaan terhadap 24 pihak termasuk kerajaan. Beliau dikatakan menyebut Dr Mahathir dan bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin sebagai antara pihak terbabit dalam isu pembelian saham MAS pada 1994.

Menjelaskan lanjut berhubung isu sama, Dr Mahathir berkata, Penasihat Kewangan Kerajaan ketika itu, Tun Daim Zainuddin memaklumkan kepadanya mengenai hasrat Tajuddin untuk memiliki MAS.

"Mereka beri wang jadi kami ambil, tidak ada wang kami tidak beri (MAS), malah mereka mahu membuat pertukaran saham antara saham Celcom dengan saham MAS tanpa membabitkan wang.

"Minta maaf.. jika mahu beli, mesti bayar wang dan dia (Tajuddin) pinjam RM1.8 bilion untuk membeli MAS," katanya sambil menjelaskan bukan beliau yang menetapkan jumlah berkenaan.

Mengenai dakwaan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa beliau bertanggungjawab atas kerugian Bank Negara suatu ketika dulu, Dr Mahathir berkata, keputusan menjalankan perdagangan mata wang asing bukan dibuat olehnya.

"Bank Negara yang buat keputusan mengenai perkara itu, Gabernornya ketika itu, Tan Sri Jaffar Hussein. Mereka mewujudkan bilik operasi di London dan meminta saya meninjau kegiatan di sana," katanya.

Dr Mahathir yang baru pulang ke tanah air, Ahad lalu selepas bercuti panjang di luar negara kini berdepan beberapa isu yang dikaitkan ketika pentadbirannya selama 22 tahun.